



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH GAYA KEPIMPINAN DAN KONTRAK PSIKOLOGI
TERHADAP TINGKAH LAKU INOVASI DAN PENCAPAIAN INOVASI
DALAM SEBUAH ORGANISASI ICT YANG TERPILIH, MALAYSIA***

MOHD HELMI ALI BASHAH

FPP 2016 45



**PENGARUH GAYA KEPIMPINAN DAN KONTRAK PSIKOLOGI
TERHADAP TINGKAH LAKU INOVASI DAN PENCAPAIAN
INOVASI DALAM SEBUAH ORGANISASI ICT YANG TERPILIH,
MALAYSIA**

Oleh

MOHD HELMI BIN ALI BASHAH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH GAYA KEPIMPINAN DAN KONTRAK PSIKOLOGI
TERHADAP TINGKAH LAKU INOVASI DAN PENCAPAIAN INOVASI
DALAM SEBUAH ORGANISASI ICT YANG TERPILIH, MALAYSIA**

Oleh

MOHD HELMI BIN ALI BASHAH

Ogos 2016

Pengerusi : Jamilah Bt. Othman, PhD
Fakulti : Educational Studies

Kajian ini adalah berkaitan pengaruh Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi di dalam syarikat Telekom Malaysia Berhad. Dalam pemerhatian pengkaji, kegagalan majikan dalam mengurus pekerja untuk mencapai matlamat organisasi dan menjana idea-idea inovatif bukan sahaja terletak kepada kelemahan dari segi penstrukturan kerja, kawalan kerja dan kemudahan yang mencukupi tetapi pengurusan dari sudut motivasi, psikologi dan kewajipan majikan terhadap hubungan di antara pemimpin dan pekerja juga adalah penting. Justeru, pengkaji telah memilih Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi sebagai pemboleh ubah bebas dan Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak kluster dan memilih responden melalui projek-projek yang telah diperolehi dari pusat pengurusan projek. Dalam kajian ini, seramai 227 responden telah memberi maklum balas soal selidik melalui talian Internet. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif seperti analisis deskriptif, korelasi dan regresi. Kajian juga menggunakan SPSS untuk menghasilkan dapatan kajian.

Hasil kajian mendapati tahap bagi pemboleh ubah Gaya Kepimpinan Transformasi, Gaya kepimpinan *Laissez-Faire*, Kontrak Psikologi Hubungan, Kontrak Psikologi Majikan, Tingkah laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi yang diamalkan di dalam organisasi ini adalah di tahap yang tinggi diikuti dengan Gaya Kepimpinan Transaksi di tahap yang sederhana. Manakala, hanya Gaya Kepimpinan Transformasi dan Kontrak Psikologi Majikan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap Tingkah Laku Inovatif. Walau bagaimanapun, kesemua pemboleh ubah bebas dalam kajian ini mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap Pencapaian Inovasi. Seperti yang ditunjukkan dalam analisis regresi yang telah dijalankan, kajian mendapati bahawa Gaya Kepimpinan Transformasi dan Kontrak Psikologi Majikan adalah pemboleh ubah peramal dan menyumbang 9.6 peratus kepada Tingkah Laku Inovatif. Manakala, Kontrak Psikologi Hubungan pula adalah pemboleh ubah peramal dan menyumbang 21.9 peratus kepada Pencapaian Inovasi.

Kajian ini menyarankan untuk meningkatkan pengaruh terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi, Pengurus Projek seharusnya dapat mengenal pasti kehendak pekerja untuk membantu percambahan idea yang inovatif dengan memenuhi kehendak dan keperluan pekerja dalam menjalankan sesuatu tugas yang telah diberikan. Kajian juga mencadangkan bahawa Pengurus Projek harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam mengurus sumber manusia. Kajian telah merumuskan bahawa Gaya Transformasi Pengurus Projek merupakan agen yang penting dalam memotivasikan pekerja untuk menghasilkan lebih banyak output dan idea-idea yang inovatif. Manakala, Kontrak Psikologi Majikan dan Kontrak Psikologi Hubungan dapat memperkukuhkan lagi dan turut menyumbang kepada Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi. Kajian juga telah mendapati bahawa tidak semua dimensi di dalam Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi merupakan faktor dan pengaruh terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja dan Pencapaian Inovasi. Terdapat faktor-faktor lain lagi yang mungkin dapat menyumbang kepada Tingkah Laku Inovatif pekerja dan Pencapaian Inovasi. Pengkaji mengharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji yang lain mahupun organisasi yang memerlukan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**THE INFLUENCES OF LEADERSHIP STYLES AND PSYCHOLOGICAL
CONTRACTS TOWARDS INNOVATIVE WORK BEHAVIOR AND
INNOVATION ACHIEVEMENT IN SELECTED ICT ORGANIZATION,
MALAYSIA**

By

MOHD HELMI BIN ALI BASHAH

August 2016

Chairman : Jamilah Bt. Othman, PhD
Faculty : Educational Studies

The purpose of this study is to show the influences of Leadership Style and Psychological Contract towards employee Innovative Work Behavior and Innovative Achievement in Telekom Malaysia Berhad. Based on the researcher observation, the employees have failed to manage the employee in order to achieve organizational goals and producing great ideas is not only because of the weakness in the job structuring, monitoring, and providing adequate facilities but it is also came from managing motivation, psychology, and the employer responsibility to maintain the relationship with employees is also as important. Thus, the researcher has selected the Leadership Style and Contract Psychology as independent variables along with Innovative Work Behaviour and Innovation Achievement as dependent variables. The study will be using cluster random sampling technique and selecting the respondent through selected projects obtained from the project management office. In this study, a total of 227 respondents has given their feedback from questionnaire through online survey. Quantitative research method have been applied in this research with descriptive, correlation and regression analysis. Furthermore, the findings of this study have been identified by using SPSS.

Based on the result, the level of Project Managers Transformational, Laissez-Faire Leadership Style, Psychological Contract on Relationship, Psychological Contract on Employer Obligation, and Innovative Work Behaviour in this organization has indicated a high level, followed by Transformational Leadership Style at medium level. The study has found that there is a positive relationship between Transformational and Psychological Contract on Employer Obligation towards Innovative Work Behaviour. However, the result has shown that all variables have positive and significant relationship towards Innovation Achievement. As shown in the regression analysis, the study has found that the Project Manager Leadership Style and Psychological Contract on Employer Obligation is a predictor and has

contributed 9.6 percent to Innovative Work Behaviour. Meanwhile, Psychological Contract on Relationship has contributed 21.9 percent on Innovation Achievement.

This study have suggested in order to increase the influences of employees Innovative Work Behavior and achieved the goal of the project, Project Managers should identify the employee needs to flourish the innovative ideas by meeting the needs of workers in carrying out the task that has been given. The study also recommend that the Project Manager should have a good human resource management knowledge and skills. In conclusion, Transformational Leadership Style from Project Managers is a vital agent in motivating workers to produce more output and innovative ideas. Meanwhile, Psychological Contract are also able to further strengthen and contributes to Innovative Work Behaviour and Innovation Achievement. However, not all of the dimension in Leadership Style and Contract Psychology determines the factor to predict the Innovative Work Behaviour and Innovation Achievement. There is other factor that could also contribute to Innovative Work Behaviour and Innovation Achievement. The researchers expect the results of this study can be beneficial to other researchers or organizations as a revision material.

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dikurniakan kecekalan hati dan diberikan kesabaran di dalam menyiapkan tesis dan kajian ini. Justeru itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi Tesis iaitu Dr. Jamilah Binti Othman kerana beliau banyak memberikan bimbingan yang sangat berharga dan sokongan terhadap kajian ini. Begitu juga kepada Dr. Khairuddin Bin Idris dan Dr. Zoharah Binti Omar selaku ahli Jawatankuasa Tesis, ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada anda berdua kerana telah banyak membantu dan memberikan pengalaman belajar yang sangat berguna kelak. Tidak lupa juga kepada keluarga tercinta terutama Ayah dan Ibu saya iaitu Hj. Ali Bashah bin Yusof dan Hjh. Naemah Zaitun binti Abd Hamid dan yang banyak mendoakan kejayaan anaknya di dalam pengajian ini. Kepada Isteri dan anak iaitu Nur Sa'adah binti Rahmat, Farah Nadia binti Mohd Helmi, Muhammad Raihan Najmi dan Amirah Aisyah binti Mohd Helmi terima kasih diucapkan kerana banyak berkorban masa ketika saya melanjutkan pengajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga buat semua Pensyarah, rakan sekelas dan kakitangan Fakulti IPSAS dan JPPPL yang saya kenali kerana banyak memberikan informasi berguna di sepanjang pengajian ini. Adalah menjadi harapan di sini, semoga segala hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dan sumber rujukan yang berguna untuk kajian akan datang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jamilah Bt. Othman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Khairuddin bin Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zoharah binti Omar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysi

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan yang dijalankan dan penulisan tesis ini adalah di bawah pengawasan kami; dan
- tanggungjawab penyeliaan adalah dipatuhi seperti yang dinyatakan dalam Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013)

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PENGAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	7
Persoalan Kajian	9
Objektif Kajian	9
Objektif Am	9
Objektif Khusus	9
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	13
Batasan Kajian	13
Definisi Operasional	14
Tingkah Laku Inovatif	14
Pencapaian Inovasi	14
Gaya Kepimpinan	14
Kontrak Psikologi	14
Rumusan Dalam Bab Tesis	15
 2 SOROTAN LITERATUR	16
Pengenalan	16
Dimensi Tingkah Laku Inovatif	16
Eksplorasi Idea	17
Penjanaan Idea	17
Penguasaan Idea	17
Implementasi Idea	17
Kajian-kajian Lepas terhadap Tingkah Laku Inovatif	18
Pekerja	
Dimensi Pencapaian Inovasi	20
Dimensi Gaya Kepimpinan	23
Kajian-Kajian Lepas Terhadap Gaya Kepimpinan	32
Kajian-Kajian Lepas Terhadap Kontrak Psikologi	41
Hubungan antara Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi dan	44
Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi	
Teori Pertukaran Sosial	47

	Kerangka Konseptual Kajian	49
	Rumusan Bab	50
3	METODOLOGI KAJIAN	51
	Pengenalan	51
	Kerangka Kajian	51
	Kaedah Penyelidikan	52
	Latar Belakang Organisasi Kajian	52
	Populasi dan Pemilihan Pensampelan	53
	Instrumen Kajian	56
	Pra-Kajian	56
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	57
	Pengumpulan Data, Pengaturan Kajian dan Prosedur Kajian	58
	Korelasi	59
	Regressi	60
	Rumusan Bab	60
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	61
	Pengenalan	61
	Demografi Responden	61
	Objektif 1	62
	Tahap Gaya Kepimpinan	62
	Tahap Kontrak Psikologi	67
	Tahap Tingkah Laku Inovatif	72
	Tahap Pencapaian Inovasi	74
	Objektif 2	
	Hubungan Antara Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi Terhadap Tingkah Laku Inovatif	76
	Objektif 3	76
	Hubungan Antara Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi Terhadap Pencapaian Inovasi	76
	Objektif 4	77
	Menentukan pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada Tingkah Laku Inovatif.	77
	Objektif 5	78
	Menentukan pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada Pencapaian Inovasi.	78
	Perbincangan	80
	Pengaruh Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi Terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi	80
	Rumusan	82
5	RINGKASAN KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN	83
	Pendahuluan	83
	Pengenalan	83
	Kesimpulan	84

Implikasi Teori	84
Implikasi Praktikal	85
Cadangan	89
Cadangan Kajian Masa Depan	97
RUJUKAN	98
LAMPIRAN	110
BIODATA PELAJAR	119
SENARAI PENERBITAN	120



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	54
2 Sampel Kajian	55
3 Cronbach Alpha bagi Pra-Kajian dan Kajian Sebenar	57
4 Perancangan masa dan fasa kajian	59
5 Kekuatan Hubungan Korelasi, Cohen (1988)	59
6 Effect Size, Cohen (1988)	60
7 Taburan Responden Mengikut Demografi Pekerja	62
8 Tahap Gaya Kepimpinan	63
9 Taburan Persetujuan Responden Terhadap Pernyataan Berkaitan Gaya Kepimpinan	64
10 Tahap Kontrak Psikologi	67
11 Taburan Persetujuan Responden terhadap Pernyataan Berkaitan Dengan Tahap Kontrak Psikologi	68
12 Tahap Tingkah Laku Inovatif	72
13 Taburan Persetujuan Responden terhadap Pernyataan Berkaitan Dengan Tahap Tingkah Laku Inovatif	73
14 Tahap Pencapaian Inovasi	74
15 Taburan Persetujuan Responden terhadap Pernyataan Berkaitan Dengan Tahap Pencapaian Inovasi	75
16 Korelasi Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif	76
17 Korelasi Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi terhadap Pencapaian Inovasi	77
18 Keputusan analisis regresi terhadap kesan pemboleh ubah peramal terhadap Tingkah Laku Inovatif	77



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Leadership Skills and Traits, Stogill (1974)	24
2 The Blake Mouton Managerial Grid, Blake & Mouton (1964)	25
3 Solo and Team Leader, Belbin (1993)	28
4 Project Success Factor, Hartman and Ashrafi (2002)	35
5 Evolusi Teori Gaya Kepimpinan	37
6 Rangka kerja Kontrak Psikologi, Guest (2004)	39
7 Resolusi Kontrak Psikologi, Tim Baker (2009)	41
8 The program Manager's leadership style and program success, Shao, Turner dan Muller (2009)	47
9 Teori Pertukaran Sosial, (Matai, 2014; Blau, 1964)	47
10 Kerangka Konseptual Kajian	49
11 Kerangka Kajian Pengaruh Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi Terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi	52
12 Leadership styles as a predictor of innovative work behavior Predictors Transformational Leadership outcome, Jamshed Khan, Aslam & Riaz (2012)	86
13 Fasa-fasa dalam Pengurusan Projek, Pinto dan Slevin (1988)	90
14 Project Management Knowledge Areas and Project Management Processes, PMBOK Guide 2000 edition	91
15 Managing innovative work behavior The role of human resources practices, Pierto and Pierza-Santana (2014)	96

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian dan menghuraikan pernyataan masalah dengan lebih lanjut. Seterusnya Bab ini menyatakan objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional yang digunakan untuk menyokong kerangka konseptual kajian ini.

Latar belakang Kajian

Dalam mendukung aspirasi negara untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 kemajuan sains dan teknologi merupakan salah satu ciri-ciri yang diukur sebagai sebuah negara maju. Sains dan teknologi adalah bukan lagi sebuah bidang baru untuk diterokai tetapi ianya perlu dibangunkan bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang akan menjadi nadi kepada kemajuan kepada ekonomi Malaysia pada masa akan datang. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak (2015) menggesa komuniti perniagaan supaya memberi lebih tumpuan kepada produktiviti dan inovasi dalam menjalankan organisasi mereka. Beliau juga sering memperkatakan dalam ucapannya bahawa negara Malaysia boleh menjadi negara maju lebih awal dengan memperhebatkan kemajuan sains dan teknologi dalam negara. Menurut beliau lagi, negara Malaysia memerlukan lebih ramai inovator dan usahawan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat sekali gus menjana kekayaan negara. Justeru itu, dengan memiliki modal insan yang berkualiti dan menambah kepakaran dalam negara dapat membantu merealisasikan negara ini sebagai pengeluar teknologi-teknologi baru.

Tujuan kajian dilakukan adalah untuk melihat pengaruh daripada Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi. Oleh itu kajian juga mengharapkan kesan yang positif dapat dibuktikan dengan melihat dari sudut pemboleh ubah-pemboleh ubah di dalam kajian ini. Di dalam kajian ini, pengkaji melihat kepimpinan adalah amat penting untuk mendorong pekerja mahupun diri sendiri supaya dapat menghasilkan lebih banyak idea-idea yang berinovatif. Yeoh Khar Kheng et al., (2013), mendapati persekitaran inovasi dalam organisasi dan “Leader-Member Exchange” mempunyai hubungan yang positif terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja yang berasaskan pengetahuan. Menurut Matteo Murra

et al., (2012) Tingkah Laku Inovatif adalah, individu yang memperkenalkan atau meneroka sesuatu perkara yang baru, idea yang bermanfaat, produk dan proses yang baru di dalam pekerjaannya.

Kajian ini menggunakan Teori Pertukaran Sosial sebagai dasar kajian. Teori Pertukaran Sosial (SET), Blau (1964) menerangkan bahawa di antara pertukaran sosial dan pertukaran ekonomi yang dilihat adalah berbeza antara satu sama lain dari segi jenis dorongan yang ditawarkan oleh organisasi. Kajian ini juga ingin menambahbaik teori dasar ini dan menguji sama ada pemboleh ubah yang dipilih dapat mempengaruhi tingkah laku inovatif pekerja dan pencapaian inovasi. Berdasarkan kajian Paillé (2014) memetik pernyataan di mana Blau (1964) 'Social Exchange' merujuk kepada "tindakan sukarela individu yang didorong oleh ganjaran yang sepatutnya mereka perolehi dan lazimnya diberi atau disediakan daripada seseorang individu yang lain.

Di dalam kajian lepas (Rasidah dan suryati, 2010; Blau, 1964) menjelaskan bahawa dalam dasar pertukaran sosial, obligasi wujud apabila seseorang melakukan kebaikan akan wujud sesuatu balasan terhadap kebaikan tersebut. (Rasidah dan suryati, 2010; Gouldner, 1960) menyatakan bahawa seseorang itu menganggap pihak lain akan membantu semula kepada pihak yang telah membantunya kerana timbul suatu perasaan bertanggungjawab untuk membalas kebaikan tersebut. (Krishnan, 2011; Blau 1964) turut menyokong konsep kitaran ini iaitu jika individu itu menjangkakan sesuatu yang baik untuknya individu itu akan bertindak balas terhadap perkara tersebut.

Gaya Kepimpinan adalah elemen yang terhasil dan berkaitan dengan teori pertukaran sosial (Mitzi, 2003; Yukl, 2002; Lucas, 1994; Bensimon, Neymann, Birnbaum, 1989). Di mana Gaya Kepimpinan Transaksi adalah pertukaran dalam organisasi dengan sesuatu nilai yang dapat diukur (Gardner, 1990). Manakala Gaya Kepimpinan Transformasi pula adalah pertukaran yang melibatkan motivasi dan moral individu (Bass & Avolio, 1994; Gardner, 1990). (Ovidiu, 2013; Homans, 1958) menyatakan bahawa dalam sistem pertukaran sosial unsur kuasa dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang itu melalui tiga aspek ini iaitu aktiviti, interaksi dan sentimen. Di mana aktiviti adalah tugas yang perlu dilakukan yang dapat diukur dengan kuantiti seperti output pekerja dan pencapaiannya, manakala interaksi adalah tingkah laku hubungan dalam semasa tugas dilakukan dan sentimen adalah sikap yang ada ditunjukkan di antara individu yang terlibat (Martin dan Hans, 2001; Homans, 1974).

Matthijs et al., (2009) menyatakan bahawa Kontrak Psikologi di adaptasi daripada teori pertukaran sosial di mana pekerja dan organisasi akan menimbang balas satu sama lain di atas anggapan suatu persefahaman dalam timbal balas telah dipersetujui Suazo et al., (2009). Rasidah dan suryati (2010) Dengan menggunakan asas teori pertukaran sosial Cropanzano dan Mitchell (2005) menyatakan bahawa pekerja akan menimbang balas dengan perasaan positif, kelakuan dan sikap terhadap organisasi apabila organisasi prihatin terhadap pekerjaanya. (Rasidah dan suryati 2010; Eisenberger et al., 1986) sokongan organisasi akan mempengaruhi pekerja untuk meningkatkan usaha untuk membalas semula kepada organisasi tersebut di atas manfaat yang telah diterimanya. Di antara pengasas utama konsep teori Kontrak Psikologi Rousseau (1989) juga berpendapat bahawa pekerja akan memberi balasan yang baik apabila organisasi telah melakukan yang terbaik untuk pekerja. Menurut Blau (1964) pekerja akan merasakan terhutang budi apabila organisasi mengambil berat terhadap kebajikan pekerja. Maka, terlihat di sini bahawa Teori Pertukaran Sosial dan Kontrak Psikologi mempunyai satu persamaan di mana ianya adalah suatu pengharapan timbal balik di antara satu sama lain dengan apa yang telah diberikan.

Matai Mutlu (2014) di dalam kajiannya yang memfokuskan terhadap tingkah laku inovatif pekerja mendapati teori pertukaran sosial dapat dijadikan teori asas untuk melihat timbal balas pekerja dan pengurus. Sokongan dan bantuan pengurus dalam aktiviti harian menyebabkan pekerja akan meningkatkan komitmen di atas kualiti kepimpinan yang ditunjukkan (Matai, 2014; De Jong dan Den Hartog, 2007, Purcel dan Hutchkinson, 2007). (Yeoh Khar Kheng et al., 2013; Blau 1964) jika obligasi itu lebih tinggi maka lebih banyak tingkah laku inovatif dapat dihasilkan. Matai (2014) menegaskan lagi apabila tingkah laku inovatif pekerja telah ditunjukkan pengurus akan memberikan ganjaran sebagai timbal balas kelakuan tersebut. Begitu juga apabila ganjaran telah diterima maka pekerja akan meningkatkan tingkah laku inovatifnya. Teori pertukaran sosial ini juga digunakan sebagai asas dalam memahami perhubungan dan peranan pihak pengurusan untuk membentuk perasaan kewajipan dan kelakuan yang diinginkan Wayne et al., (2002). Contohnya, seseorang itu memerlukan bantuan dan sokongan seperti nasihat dan dorongan di atas kuasa, pengetahuan dan kedudukan yang ada oleh pihak yang lain. Dalam perspektif lain pula keuntungan dari pertukaran sosial sangat penting untuk mempertahankan suatu hubungan majikan dan pekerja.

Dari sudut pandangan pengkaji juga, pekerja lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku inovatif sekiranya mereka dapat merasakan organisasi tempat kerja mereka tersebut pada tahap tertentu menunjukkan inisiatif untuk memulakan, membina dan mengekalkan keadaan kerja yang menggalakkan atau memberangsangkan kepada pekerja

di samping menyediakan sumbangan lain kepada tingkah laku inovatif pekerja dan pencapaian inovasi pekerja. Oleh itu, kajian ini telah memilih Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi untuk menguji kesan dan pengaruhnya terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja dan Pencapaian Inovasi seterusnya menjelaskan serta menambahbaik Teori Pertukaran Sosial ini di dalam konteks organisasi dan kesusasteraan.

Peranan pemimpin atau pengurus dan inovasi adalah satu perkara yang sering diperkatakan dalam menentukan hala tuju sebuah organisasi. Peter Drucker (1981) yang dikenali sebagai bapa pengurusan moden telah mendefinisikan bahawa Inovasi adalah perubahan yang dapat mencipta dimensi yang baru dalam pencapaian sesebuah organisasi. Sarah (2010) berpendapat bahawa memimpin adalah bukan suatu perkara yang mudah. Dalam hal ini mungkin Gaya Kepimpinan terdahulu bukan lagi menjadi sandaran apatah lagi dengan kecanggihan dan kemajuan media sosial elektronik secara global dan penyebaran informasi yang semakin pantas meletakkan pembuat keputusan berdepan dengan pelbagai situasi atau perubahan persekitaran perniagaan yang tidak dapat dijangkakan.

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) menyasarkan lebih banyak produk inovasi dapat dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun akan datang. MOSTI telah meneliti bahawa kemajuan sains dan teknologi akan dapat membantu menjana ekonomi negara pada masa depan. Dalam Program Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) kerajaan memperuntukkan sejumlah RM 400 juta, RMK-6 sebanyak RM 600 juta, RMK-7 sebanyak RM 933 juta, RMK-8 sebanyak RM 1.6 bilion, RMK-9 sebanyak RM 2.9 bilion dan untuk RMK-10 pula, dari tahun 2013 sehingga 2014 sejumlah RM 660 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Jelas di sini kerajaan amat serius dalam menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia secara ringkasnya MASTIC menjadi pusat rujukan utama bagi maklumat komuniti Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun STI di Malaysia. Berdasarkan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh MASTIC iaitu Kesedaran Awam terhadap Sains dan Teknologi pada tahun 2008 telah mencadangkan bahawa, sektor Telekomunikasi dan Maklumat memainkan peranan penting dalam menyediakan lebih banyak capaian internet kepada pengguna. Peranan pihak kerajaan dan swasta juga perlu digembleng bagi memastikan kejayaan dicapai dalam transformasi inovasi sains dan teknologi.

Indeks Inovasi Global bagi tahun 2009-2013 menunjukkan bahawa negara Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara berpendapatan menengah atas (*Upper middle income*) berdasarkan nilai GDP per kapita negara. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia pada tahun 2013 adalah tidak berubah dari tahun 2012 iaitu di tangga ke-32. Kedudukan Malaysia masih jauh dengan Singapura dan Hong Kong yang berada di dalam kedudukan 10 teratas. Menurut *National Survey of Innovation 2012* yang menjalankan kajian terhadap kesan produk dan proses inovasi yang dilaksanakan pada tahun 2009-2011 di Malaysia. Secara amnya, kajian ini mendapati syarikat-syarikat inovasi merasakan bahawa kesan inovasi paling penting adalah untuk meningkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan kepada pengguna. Perlumbaan inovasi penting kerana organisasi lain yang lebih cepat membangunkan teknologinya akan memberi persaingan dalam perniagaan.

Kajian ini telah memilih responden yang terdiri daripada golongan pekerja sebagai penyumbang utama di dalam inovasi. Perkara ini di sokong oleh pernyataan (Rune et al., 2014; Alpkan et al., 2010; Amabile 1988; Dorenbosch et al., 2005) iaitu kunci kejayaan terhadap Tingkah Laku Inovatif adalah bergantung kepada persekitaran yang mencorakkan budaya inovasi di dalam organisasi. Secara tidak langsung pekerja dapat menyumbang kepada inovasi yang terhasil melalui gaya kepimpinan di dalam sesebuah organisasi.

Pengkaji melihat kepimpinan yang lemah menyebabkan kepincangan dalam sebuah organisasi. Oleh itu, kepimpinan yang cekap dan berkesan dipertaruhkan supaya dapat membantu organisasi dalam menjadikan pekerja lebih berdedikasi. Dalam salah satu kajian yang dilakukan oleh Dale Carnegie & Associates (2009) menyatakan bahawa hanya 15 peratus pengetahuan teknikal menjadi penentu kejayaan terhadap keuntungan organisasi manakala 85 peratus penentu selebihnya adalah bergantung kepada faktor-faktor kemanusiaan atau kebolehan memimpin. March dan Simon (1958) menyatakan bahawa individu bertukar sumbangan di dalam suatu organisasi dengan dorongan atau inisiatif tertentu yang disediakan oleh organisasi.

Seperti yang kita ketahui Pengurus dalam organisasi dapat mencorakkan perubahan prestasi dalam organisasi mahupun individu. Namun pada hakikatnya masih lagi belum menampakkan kecemerlangan dan di martabat yang tinggi. Di dalam sesebuah kumpulan setiap seseorang pengurus harus menerapkan semula nilai-nilai kemanusiaan yang semakin pudar di dalam organisasi bagi mengekalkan keharmonian di dalam organisasi serta dapat mempengaruhi tahap pencapaian syarikat seperti yang dirancang. (Isabel et al., 2012; Fonseca et al., 2010) menyatakan bahawa peranan pemimpin yang

efektif adalah dengan memastikan matlamat tercapai, mengukur setiap pencapaian dan memberikan informasi yang secukupnya. Secara amnya, kajian ini menekankan bagaimana organisasi harus menilai gaya kepimpinan dan pengaruhnya terhadap tingkah laku pekerja. Di mana sudut kepimpinan adalah penting untuk diterokai kerana ia adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi mahupun negara.

Di dalam kajian yang dijalankan oleh (Jeroen P.J. de Jong dan Deanne 2007; Anderson et al., 2004; Zhou dan Shalley 2003), menyatakan bahawa pekerja yang inovatif bergantung pada persekitaran dan rakan sekerja. (Yeoh Khar Keng et al., 2013; Yukl et al., 2002) bersependapat bahawa seseorang pemimpin dapat mempengaruhi pekerja supaya menjadi lebih inovatif, dan peranannya adalah meningkatkan tingkat laku dalam inovasi, (Jeroen P.J. de Jong dan Deanne 2007; Basadur (2004, p. 103). J. Rodney dan Ralf 2005; Krech & Crutchfield 1962) menyatakan bahawa di antara tugas-tugas pemimpin yang terpenting di dalam kumpulan adalah sebagai pembuat keputusan, perancang, jurucakap dan lain-lain lagi. Dalam membantu inovasi di Malaysia, pekerja harus mempunyai pengalaman, kemahiran, teknikal dan kemahiran khusus.

Seperti yang diketahui, setiap pekerja adalah aset terpenting dalam syarikat. Pemimpin atau pengurus adalah individu tertinggi dalam carta organisasi kumpulan dan peranan mereka amat penting bagi membentuk kekuatan syarikat dari segi aspek mental dan psikologi pekerja untuk mencapai objektif organisasi. Kajian menjangkakan Gaya Kepimpinan dan Pengurusan Kontrak Psikologi secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi dan komitmen pekerja terhadap inovasi mahupun mencorakkan ekonomi negara ke arah negara maju. Agarwal (2013) menyatakan bahawa keadilan, kepercayaan dan kontrak psikologi mempengaruhi Tingkah Laku Inovatif pekerja. Kajian ini memperincikan dan mengenal pasti elemen-elemen dalam Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi yang dapat menyumbang kepada inovasi di dalam sesebuah organisasi di Malaysia.

Pengkaji menegaskan lagi bahawa aktiviti penyelidikan dan inovatif dilihat mempunyai potensi yang tinggi dalam menjana pendapatan kepada negara. Contohnya, seperti syarikat Samsung iaitu sebuah syarikat elektronik di negara Korea menjadi pengeluar telefon bimbit kedua terbesar dunia pada tahun 2011 dan telah menjana pendapatan sebanyak USD184 bilion. Secara tidak langsung ianya menyumbang kepada ekonomi negara tersebut. Kejayaan ini tidak mustahil jika Malaysia dapat mencapai kemajuan pada tahun 2020 melalui pembangunan modal insan dan kejayaan kepemimpinan dalam organisasi terhadap inovasi. Seterusnya, menjana ekonomi negara melalui penciptaan teknologi-teknologi baru. Sokongan yang padu daripada

kerajaan telah diberikan untuk menjayakan inovasi dalam negara dan ianya sangat diperlukan. Mahupun begitu, terdapat juga pelbagai rintangan yang menjadi halangan kepada sesebuah organisasi itu dalam merealisasikan sesuatu produk inovatif kepada keuntungan seperti kurang pengalaman, kepakaran, kurang kepercayaan, polisi organisasi dan pembudayaan inovasi dalam organisasi.

Dalam kajian ini, kajian memfokuskan kepada Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi sebagai pemboleh ubah bebas yang dijangkakan dapat mempengaruhi dan memberikan kesan terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi di dalam sesebuah organisasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Abraham Carmeli et al., (2006), menyatakan bahawa kepimpinan, jumlah tahun bekerja dan pendapatan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap Tingkah Laku Inovatif.

Pernyataan Masalah

Jika dilihat pada satu masa dahulu pemain VCR adalah merupakan satu pencapaian inovasi yang dapat menjana keuntungan yang besar kepada syarikat namun ia tidak kekal lama setelah munculnya dunia digital baru yang mengubah persekitaran perniagaan secara global. Justeru itu, Inovasi amat penting kerana ianya dapat memberikan penambahbaikan dan pembaharuan supaya ianya dapat meneruskan kelangsungan perniagaan ataupun perkhidmatannya. Hubungan antara pengurus dan pekerja adalah sangat penting untuk memastikan kerja-kerja harian dan matlamat di dalam sesebuah kumpulan dan organisasi dapat direalisasikan.

Kelazimannya sesuatu produk atau idea akan melalui tiga tempoh hayat iaitu lahir, matang dan mati Azhar et al., (2006). Menurut Quinn (1985) dan Adair (1990) berpendapat seorang inovator yang baik harus memiliki sifat Pintar, Berdikari, Minat, Berdedikasi, Fokus dan lain-lain lagi. Manakala Azhar et al., (2006) menyatakan lagi bahawa peranan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia adalah penting sebagai pemangkin dalam pembangunan inovasi kerana inovasi hanya dapat dilakukan apabila organisasi sentiasa memperbaharui pengetahuan, kemahiran sikap dan nilai melalui proses-proses tertentu di dalam organisasi. Walau bagaimanapun bagi mengukur prestasi dan produktiviti dalam inovasi adalah sesuatu perkara yang amat mencabar, Gustavo Crespi dan Pluvia Zuñiga (2010).

Seperti yang kita ketahui kejayaan organisasi bergantung kepada kepimpinan dan hubungan yang baik di antara pekerja dan majikan dalam

menjayakan agenda utama syarikat. Kenyataan ini di sokong oleh Junghyun dan Susan (2014) bahawa pengurus projek adalah agen atau wakil organisasi dalam mengurus Kontrak Psikologi di tempat kerja. Jamshed dan Naeem (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa Gaya Kepimpinan Transformasi mempunyai hubungan yang positif terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja. Manakala Gaya Kepimpinan Transaksi pula amat berkesan untuk mengawal hasil inovasi. Manakala, Gaya Kepimpinan *Laissez-Faire* pula mempunyai hubungan yang negatif terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja. Agarwal (2013) menyatakan bahawa Kontrak Psikologi mempunyai hubungan yang positif terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja. Namun begitu, di dalam pencarian kajian-kajian ilmiah, secara teori dan praktikalnya Gaya Kepimpinan terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja masih jarang diperbincangkan dan diketengahkan. Tambahan pula, pemahaman Gaya Kepimpinan serta Kontrak Psikologi masih belum jelas dalam menentukan kejayaan sesebuah projek dan kemampuannya masih samar dalam memastikan keharmonian di dalam organisasi.

Berdasarkan pengalaman pengkaji mendapati Kepimpinan di sebuah organisasi penyelidikan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dalam Inovasi diraih. Pada pembentangan yang dilakukan oleh Pengurus Sumber Manusia di sebuah syarikat pembangunan dan penyelidikan pada tahun 2012 terhadap kajian dalaman yang dijalankan bagi tahun 2011 mendapati Indeks Kepuasan Pekerja telah menurun daripada 84 peratus hingga 71 peratus selari dengan kemerosotan Petunjuk Utama Prestasi syarikat yang juga menurun. Di samping itu kadar pusing ganti juga semakin bertambah dari tahun sebelumnya dan cadangan-cadangan untuk menjalankan projek penyelidikan yang baru juga semakin berkurangan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2012 kajian mendapati Indeks Kepuasan Pekerja masih menurun walaupun Petunjuk Utama Prestasi syarikat telah meningkat. Hasil kajian susulan dalam organisasi ini mendapati secara purata pekerja tidak berpuas hati terhadap isu kepimpinan dalam organisasi. Pengkaji juga mengandaikan bahawa ianya adalah kesan daripada kepimpinan di dalam organisasi. Situasi ini juga menunjukkan hubungan di antara majikan dan pekerja masih samar dan mencetuskan persoalan apakah pendekatan mahupun kaedah alternatif yang harus dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini dan seterusnya dapat mengekalkan serta meningkatkan output dalam inovasi. Hasil dari carian di dalam jurnal EBSCOHost, Emerald Insight dan Sage Journals mendapati bahawa kajian Gaya Kepimpinan terhadap Tingkah Laku Inovatif masih jarang dilakukan di luar mahupun di dalam negara. Menurut, Simon S.K Lam (2010) tidak banyak kajian yang di lakukan terhadap hubungan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku dalam Inovasi. Agarwal et al., (2012) menyatakan bahawa perkaitan kepimpinan dan tingkah laku inovatif

masih lagi di peringkat evolusi. Pengkaji mengharapkan hasil kajian pengaruh Gaya Kepimpinan dan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah laku Inovatif pekerja dan Pencapaian Inovasi ini dapat menyumbang kepada susastera dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi, Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi di dalam organisasi?
2. Adakah terdapat hubungan signifikan antara Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja?
3. Adakah terdapat hubungan signifikan antara Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi terhadap Pencapaian Inovasi projek?
4. Apakah pemboleh ubah peramal yang dapat menyumbang kepada Tingkah Laku Inovatif pekerja di dalam organisasi ini?
5. Apakah pemboleh ubah peramal yang dapat menyumbang kepada Pencapaian Inovasi projek di dalam organisasi ini?

Objektif Kajian

Objektif Am

Tujuan kajian ini adalah ingin memahami hubungan dan pengaruh Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif dan Pencapaian Inovasi dengan lebih mendalam. Dalam kajian ini, responden yang dipilih adalah terdiri daripada pekerja Telekom Malaysia Berhad. Kajian menggunakan Kontrak Psikologi sebagai pemboleh ubah kajian bagi memastikan kajian dapat dihasilkan melalui sudut pandangan kontrak psikologi dalam organisasi dengan kaedah yang saintifik.

Objektif Khusus

1. Menenal pasti tahap Gaya Kepimpinan, Kontrak Psikologi, Tingkah Laku inovatif dan Pencapaian Inovasi di dalam organisasi.
2. Menenal pasti hubungan antara Gaya Kepimpinan Kontrak Psikologi terhadap Tingkah Laku Inovatif pekerja.
3. Menenal pasti hubungan antara Gaya Kepimpinan Kontrak Psikologi terhadap Pencapaian Inovasi projek.
4. Menentukan pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada Tingkah Laku Inovatif.
5. Menentukan pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada Pencapaian Inovasi.

Kepentingan Kajian

Sehingga 10 Januari 2013, sebanyak 2,382 organisasi Sains dan Teknologi di Malaysia telah direkodkan oleh MASTIC. Organisasi Sains dan Teknologi sebahagian besar daripadanya adalah terdiri dari perniagaan swasta. Iaitu, sebanyak 1,809 atau 86 peratus organisasi Sains dan Teknologi terdiri daripada organisasi swasta, dan selebihnya adalah Institusi Pengajian Tinggi, Pusat Penyelidikan dan Organisasi Bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun menurut MASTIC hanya 44.9 peratus sahaja yang menjalankan aktiviti pembangunan dan penyelidikan. Oleh itu kajian memfokuskan kepada organisasi swasta untuk mendapatkan lebih banyak dapatan kajian yang dapat disumbangkan dan dimanfaatkan oleh organisasi yang memerlukan.

Tidak kira di mana kita berada ianya tidak lengkap tanpa kewujudan pemimpin di dalam sesebuah kumpulan. Contohnya, pasukan bola sepak, kelas latihan, parti politik atau sebuah syarikat peranan dan individu yang menjadi pemimpin adalah sangat penting. Tanpa pemimpin seolah-olah sesebuah pasukan atau organisasi mudah kehilangan motivasi, bimbingan dan sukar untuk mencapai matlamat bersama. Namun, seorang pemimpin itu bukannya dipilih sejak lahirnya seseorang itu, sebaliknya kemahiran dan kualiti seseorang pemimpin itu perlu dibina.

Definisi kepemimpinan menurut (Pamela et al., 2006; Rost 1991) adalah sebuah hubungan yang saling berkait di antara pemimpin dan pengikut yang menginginkan perubahan ke arah tujuan yang sama. Namun begitu, kesilapan organisasi dalam mengurus pekerja untuk mencapai matlamat organisasi bukan sahaja terletak kepada kelemahan di dalam penstrukturan kerja, kawalan kerja dan kemudahan yang mencukupi tetapi prestasi dan motivasi individu yang berubah juga berkait secara langsung terhadap hubungan di antara pemimpin dan pencapaian kerja.

Motivasi wujud di sekeliling kita dan begitu juga sebaliknya. Ovidiu (2013) menyatakan bahawa setiap pekerja itu berbeza dan motivasi diri mereka datang daripada pelbagai sudut psikologi. Selari dengan keadaan ini, kebanyakan organisasi sering mengabaikan kepercayaan dan tidak mengendahkan kesan dan kepentingan Kontrak Psikologi di tempat kerja serta tidak mengendahkan kewujudannya. Oleh itu, pengurusan perlu bertindak dan mengubah strategi mereka dengan lebih memahami konsep Kontrak Psikologi. Berdasarkan kajian yang lepas, jangkaan yang tidak menepati kehendak seorang pekerja akan lama-kelamaan menimbulkan kedinginan dan lama kelamaan pekerja akan mula menentang matlamat

organisasi, (Simon S.K Lam 2010; Johnson & O'Leary- Kelly, 2003; Morrison & Robinson, 1997; Robinson, 1996; Robinson, Kraatz, & Rousseau, 1994; Shore & Barksdale, 1998). Secara tidak langsung, organisasi akan mengalami krisis sumber manusia akibat penentangan yang terhasil daripada pelanggaran Kontrak Psikologi.

